

07/04/1997

Kaedah ganjaran pekerja tidak membebankan

KUALA LUMPUR, Ahad - Cadangan garis panduan kaedah pemberian ganjaran kepada kakitangan awam dan swasta yang lama berkhidmat tidak akan membebankan sektor swasta, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek.

Sambil menjelaskan ganjaran itu mempunyai kaitan dengan bidang pendidikan, Lim berkata, kementerian mempunyai pendekatan tertentu berhubung kaedah pemberian ganjaran berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu masih belum boleh diumumkan kerana ia masih di peringkat cadangan kementerian dan belum diluluskan Kabinet.

Kertas cadangan itu sudah diedarkan kepada semua kementerian dan beliau berharap dapat membentangkannya kepada Kabinet bulan depan.

"Hanya yang saya boleh beritahu ialah ia tidak akan membabitkan sumbangan tambahan daripada sektor swasta atau membebankan mereka.

"Kami telah menerima maklum balas positif daripada beberapa kementerian dan masih menunggu pandangan kementerian lain.

"Pandangan semua pihak penting kerana ia adalah projek yang besar dan membabitkan banyak wang," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Meningkatkan Tahap Bahasa Inggeris bagi Projek Langkawi anjuran MCA Bahagian Bukit Bintang di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Naib Presiden MCA yang juga Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan Ahli Parlimen Bukit Bintang, Dr Lee Chong Meng.

Langkah itu yang disediakan berikutan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beberapa bulan lalu antara lain bertujuan memberi penghargaan kepada rakyat yang sudah lama berkhidmat pada satu-satu organisasi sambil menggalakkan mereka setia berkhidmat dengan jabatan dan syarikat masing-masing.

Tempoh berkhidmat yang dicadangkan di antara 20-25 tahun, bergantung kepada kelulusan Kabinet.

(END)